

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

**HGM 236 – Geografi Ekonomi dan Pembangunan**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

...2/-

135

135

1. Bincangkan sejauhmana perkembangan penting dalam kehidupan ekonomi dan kepenggunaan telah mempengaruhi pendekatan, fokus dan skop kajian geografi ekonomi sejak 1990.  
[25 markah]

2. SAMA ADA

- [a] Huraikan maksud dan peranan utama konsep aglomerasi ekonomi dalam kerangka kupasan fenomena ketidaksamarataan pembangunan sesebuah negara.

[25 markah]

ATAU

- [b] Huraikan maksud dan peranan keberkaitan limpahan teknologi-aglomerasi dalam proses pembangunan landskap ekonomi.

[25 markah]

3. Sejauhmana anda bersetuju dengan pendapat bahawa kuasa pemerintah telah terhakis dan landskap ekonomi negara membangun dalam era globalisasi diatur dan dibentuk oleh korporat pelbagai bangsa.

[25 markah]

4. Bincangkan impak persaingan dua proses global utama ke atas pembentukan landskap ekonomi global.

[25 markah]

5. Liberalisme baru dikatakan telah membentuk proses ekonomi di negara perindustrian kerana kegagalan "Keynesian Welfare".

Merujuk kepada Malaysia, huraikan implikasi perluasan liberalisme baru ke negara membangun khususnya dari sudut pembentukan proses ekonomi negara.

[25 markah]

6. Keanggotaan China dalam *World Trade Organization* (WTO) adalah penentu utama pembentukan proses ekonomi global sejak runtuhnya Tembok Berlin. Bincangkan pernyataan ini.

[25 markah]

7. Bincangkan peranan budaya dalam kerangka kupasan organisasi ruangan aktiviti ekonomi dari perspektif firma dan negara.

[25 markah]

- 000 0 000 -